

Jangan Bergopoh Gapah

Daripada Sahl bin Sa'd RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

العَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: "Gopoh-gapah itu merupakan sifat syaitan."

Riwayat al-Tirmizi (2012) dan dikatakan *hasan*

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *gopoh* ialah *cepat-cepat, lekas-lekas, tergesa-gesa dan terburu-buru*. Sedangkan *kegopohan* pula bermaksud *perihal terburu-buru dan tergesa-gesa*.
2. Dr. Aidh al-Qarani di dalam kitabnya *La Tahzan* berkata: Orang yang pintar jika ingin mengambil suatu tindakan atau keputusan ia mengkaji terlebih dahulu serta memikirkan segala akibatnya dan menimbang baik buruknya. Kemudian barulah dilaksanakan tindakan atau keputusan tersebut dengan penuh ketetapan hati dan berhati-hati.
3. Sikap seperti ini sudah tentu tidak akan melahirkan penyesalan di kemudian hari nanti. Seandainya adalah yang terjadi sesuai mengikut harapannya nescaya ia bersyukur kepada Allah dan jika yang terjadi adalah sebaliknya, ia menganggap sebagai takdir Tuhan serta reda menerimanya dengan tenang hati.
4. Guru kami Syeikh Muhammad Soleh al-Uthaimin berkata: Sifat tenang iaitu tidak bergopoh dalam semua urusan kerana berapa ramai manusia yang binasa

dan tersilap langkah dengan sebab gopoh gapah dalam urusan hidup mereka. Sama ada memindahkan berita, menghukum apa yang didengar atau lain-lain.

5. Orang yang cerdik ialah orang yang teguh hatinya dan istiqamah. Jika menghadapi berbagai masalah dan mendengar berbagai berita yang belum tentu benar ia tidak tergesa-gesa untuk langsung mengambil sesuatu keputusan. Ia akan meneliti terlebih dahulu berita yang sampai ke telinganya. Mengkaji pelbagai pendapat yang dia dengar di samping bermesyuarat dengan orang yang cerdik. Ini kerana pendapat yang telah disaring dan ditapis lebih baik daripada pendapat yang belum diteliti kebenarannya. Mereka berkata: *“Salah dalam memberi maaf adalah lebih baik daripada salah menjatuhkan hukuman.”*
6. Syaitan sentiasa cuba menyesatkan manusia dan menjarakkan mereka daripada jalan yang sebenarnya. Inilah yang menjadi matlamat syaitan supaya manusia mengikut jejak langkah mereka. Antara caranya ialah menjadikan seseorang bergopoh gapah.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Ketahuilah bahawa kesabaran itu akan menguburkan segala aib, ketabahan itu akan menjadi penutup segala kekeliruan dan sifat dermawan itu adalah pakaian yang besar yang akan menutup semua kekurangan dan cacat.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan terlalu cepat mengambil keputusan sampai anda selesai mempelajari semua aspeknya. Setelah itu mintalah pilihan kepada Allah dan mesyuaratkan kepada orang-orang yang anda percayai. Jika kemudian anda berjaya memang itulah yang dikehendakinya dan jika tidak, maka janganlah menyesal.

Kisah Teladan

Muawiyah bin Abu Sufyan RA memiliki ladang di kota Madinah yang hampir dengan ladang Abdullah bin Zubir al-Hawari RA. Pekerja Muawiyah mencero

masuk ke ladang Abdullah bin Zubir. Berikutan itu menyebabkan beliau marah. Permusuhan di antara kedua sahabat memang sudah terpendam lama.

Lalu dia menulis sepucuk surat kepada Muawiyah yang isinya: Kepada Muawiyah bin Hindun, sipemakan hati (Hamzah bin Abu Talib) pekerjamu telah mencero boh masuk ke kawasanku. Perintahkanlah ia supaya keluar sekarang juga dari kawasan ladangku.

Demi Allah! Tiada Tuhan selain Dia jika kamu tidak memerintahkan keluar maka terimalah padah akan menimpa dirimu. Muawiyah dikenali sebagai jiwa yang penyabar dan berjiwa besar. Sebaik sahaja menerima surat dia membaca kemudian memberikan kepada anaknya Yazid.

Lalu dia meminta pendapat anaknya, bagaimanakah pendapatmu tentang isi surat Ibn al-Zubir yang telah memberi amaran kepadaku? Yazid menjawab: Kirimlah pasukan seramai mungkin dan pastikan mereka berjaya membawa kepala Ibn Zubir kepadamu. Tindakan Muawiyah hanya untuk melatih anaknya supaya sabar dan tidak panas baran dan terburu-buru. Muawiyah tidak setuju dengan tawaran anaknya malah dia berkata: “Aku akan membalasnya dengan cara yang lebih baik sehingga kita tetap menjalinkan hubungan silaturahmi dengannya.”

Kemudian Muawiyah mengirim sepucuk surat kepada Ibn Zubir yang isinya adalah: Daripada Muawiyah bin Abu Sufyan, kepada Abdullah bin al-Zubir bin Asma'. Selanjutnya demi Allah tiada Tuhan selain Dia. Seandainya dunia ini hanya dimiliki oleh aku dan kamu tentu aku akan memberikan semuanya kepada kamu. Seandainya ladangku terbentang dari kota Madinah hingga ke Damsyiq, nescaya aku akan menyerahkan kepadamu. Jika telah menerima surat ini, maka ambillah ladangku itu sebagai bahagian dari milikmu dan jadikanlah pekerjaku itu sebagai pekerjamu.

Sebaik sahaja surat itu diterima oleh Ibn Zubir dia terus menangis sehingga air matanya membasahi surat lalu dia berangkat ke Damascus untuk menemui Muawiyah. Setibanya di sana dia mengucapkan salam dan mencium kepalanya sambil berkata: “Semoga Allah tidak menghilangkan sifatmu yang penyabar. Inilah sifat yang amat dibanggakan oleh bangsa Qurasiy dan ternyata kamu mewarisi sifat yang mulia ini.”